

17 MAY 1999

DR MAHATHIR-CLOB

SELESAIKAN ISU CLOB BUKAN MASALAH M'SIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa bukanlah bagi Malaysia untuk menyelesaikan isu Central Limit Order Book (CLOB) kerana ia (Malaysia) tidak mengujudkan masalah CLOB.

"Ini adalah satu masalah yang yang diwujudkan oleh orang lain yang telah merosakkan ekonomi kita," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah terserah kepada mereka (Singapura) untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia akan bekerja sama jika ada penyelesaian yang munasabah.

"Itu adalah matlamat kita," beliau memberitahu pemberita selepas menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Pelabuhan-pelabuhan Dunia Ke-21 Persatuan Pelabuhan-pelabuhan Antarabangsa di sini.

Ditanya sama ada isu CLOB akan dibawa ke mahkamah, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak tahu bagaimana ini boleh diselesaikan di mahkamah.

"Saya tidak tahun negara mana mempunyai bidang kuasa itu kerana ia adalah sesuatu yang "sah" Di Singapura tetapi tidak sah di Malaysia."

Tambah beliau bahawa Malaysia masih menunggu orang menyarankan cara-cara dan kaedah-kaedah untuk menyelesaikan masalah itu.

"Kita sanggup melayan selagi penyelesaiannya tidak merosakkan pasaran saham kita dan harga saham," katanya.

Baru-baru ini, ahli perniagaan Singapura Akbar Khan membuat satu tawaran melalui Effective Capital Sdn Bhd berpangkalan di Kuala Lumpur untuk membeli kesemua saham itu pada premium 45 peratus daripada harga pasaran pada 15 Sept tahun lalu apabila saham-saham itu kali terakhir diniagakan sebelum dibekukan.

Dr Mahathir juga berakta isu CLOB tidak boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada isu-isu dua hala yang belum selesai di antara kerajaan-kerajaan Singapura dan Malaysia.

"Perhatian berat adalah lebih kepada keretapi dan bekalan air," katanya.

Malaysia tidak pernah mengiktiraf CLOB yagn ditubuhkan pada 1990, setahun selepas Malaysia dan Singapura membatalkan penyenaraian saham-saham mereka di bursa-bursa saham satu sama lain. Pada 31 Ogos tahun lalu, Malaysia mengisytiharkan bahawa dagangan saham-saham Malaysia di CLOB sebagai tidak sah dan dagangannya sahama-saham seumpamanya di CLOB Singapura dihentikan selepas 15 Sept.

Anggaran RM10.5 bilion saham CLOB, berasaskan kepada paras semasa, dibekukan di dalam 170,000 akaun. -- BERNAMA

AA SHY OS